

UTUSAN MALAYSIA

13 DISEMBER 2013



Dr Awang (dua dari kiri), Johan dan Mohammad Azlan mendengar penerangan Mazlan mengenai lukisan yang dipamerkan di Balai Berita, semalam. (FOTO MUNIRA ABDUL GHANI/BH)

DBP minta universiti martabat bahasa Melayu

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kecewa dengan tindakan institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama sesi pengajaran dan pembelajarannya (P&P).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Awang Sariyan, berkata ketika ini penggunaan bahasa Inggeris di beberapa IPT men-

cecah sehingga 80 peratus, khususnya kursus kritikal seperti kejuruteraan dan perundangan.

Akibat ketirisan

"Ini mengakibatkan ketirisan penggunaan bahasa Melayu di kebanyakan IPT," katanya ketika ditemui selepas meeting romboan pengurusan kanan DBP melawat Pameran

Lukisan Gema Hati di Balai Berita, semalam.

DBP adalah rakan seni Pameran Lukisan Gema Hati yang diadakan di lobi utama The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP). Pameran Lukisan Gema Hati daripada dua pelukis Anak Alam, Mazlan Noor dan Hassan Majid adalah anjuran bersama Media Prima dan NSTP, manakala BH ada-

lah rakan media.

Turut hadir Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaaffar dan Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Mohammad Azlan Abdullah.

Awang berkata, IPT mempunyai tanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

"Kita (DBP) tidak membantah penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek tertentu, khususnya subjek kritikal.

Galak duduki UKBM

"Malah, DBP sudah menyiapkan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) bagi pelajar antarabangsa yang ingin belajar di negara ini. UKBM perlu dijadikan asas kemasukan pelajar berkenaan ke IPT negara ini.

"Mulai tahun depan, kita menggalakkan pelajar antarabangsa menduduki UKBM dan akan dijadikan syarat utama kemasukan ke IPT bagi pelajar terbabit.

Jadi, isu penggunaan bahasa Inggeris kerana pelajar antarabangsa tidak sepatutnya timbul," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi sudah melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Kebangsaan di IPT pada 2011, justeru, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengajian tinggi tidak perlu dipertikalkan.

Awang mengulas kenyataan Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara, Selasa lalu, yang mendakwa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi di universiti awam merosot 10 hingga 15 peratus.

